

Pembantu kesihatan bakal ditempatkan di UMS-KAL

UB 25-09-2012 47

LABUAN: Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan bersedia untuk menempatkan seorang pembantu kesihatan dan jururawat di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) untuk memberi rawatan kepada pelajar universiti itu.

Pengaruhnya, Dr Zaini Hussin berkata pihaknya akan mendapatkan pandangan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan perbincangan dengan pegawai kanan Jabatan Kesihatan Labuan sebelum hasrat itu menjadi kenyataan kerana ia membabitkan polisi kementerian.

Katanya, seorang pembantu kesihatan dan jururawat boleh ditempatkan di universiti itu selepas waktu pejabat antara jam 6 dan 10 malam untuk merawat kira-kira 2,000 pelajar dan 300 kakitangan dan pensyarah UMS-KAL.

Tambahnya, Jabatan Kesihatan juga mencadangkan sebuah klinik bergerak sebagai cadangan tambahan sekiranya kakitangan tidak dapat dibekalkan ke kampus berkenaan.

"Kami bersedia membincangkan cadangan pengurusan UMS-KAL itu untuk membantu merawat warga kampus terutamanya pelajar selepas waktu pejabat. Bagi kami masa seminggu untuk membincangkan perkara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menerima kunjungan hormat Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali di Bilik Mesyuarat Jabatan Kesihatan, kelmarin.

Turut hadir Pegawai Perubatan, Dr Adam Firdaus Dahlani, Penolong Pendaftar Kanan Pentadbiran UMS-KAL, Musnin Mattersah, Penolong Bendahari Kanan, Muhajirah Muchlish, Jurutera Kanan, Jorin Matawas dan Penolong Pendaftar Kanan,

Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Norhanizah Adnan.

Ismail berharap hasrat Naib Canselor UMS, Prof Dr Mohd Harun Abdullah untuk menempatkan seorang doktor, pembantu kesihatan dan jururawat bagi merawat warga kampus terutamanya pelajar yang menginap di kolej kediaman universiti itu akan dipertimbangkan Jabatan Kesihatan.

Katanya, dengan adanya kakitangan yang bertauliah daripada Jabatan Kesihatan, ianya akan meringankan beban pelajar kerana tidak perlu lagi ke klinik kesihatan untuk mendapatkan rawatan penyakit biasa seperti demam, sakit kepala dan luka-luka kecil.

"Bagaimanapun, pelajar perlu juga ke Hospital Labuan untuk mendapatkan rawatan di Bahagian Kecemasan bagi penyakit yang agak kritis," katanya.



ISMAYL (empat dari kiri) menyampaikan cenderamata kepada Zaini pada kunjungan hormat di Jabatan Kesihatan Labuan.

Beliau juga berkata, pihak universiti akan membiayai semua keperluan yang dikehendaki Jabatan Kesihatan terutama ubat-

ubatan, pil, vitamin, peralatan asas seperti katil dan perabot lain.

Ismail berharap hubungan baik yang sedia terjalin antara kedua-

dua jabatan kerajaan itu akan membantu mempercepatkan lagi proses penempatan pembantu kesihatan di universiti itu.